

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001**

FEBRUARI/MAC 2001

RDG 333 – REKABENTUK DALAMAN

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

1. Penampilan rekaan berikut merupakan ciri-ciri olahan ekspresi individu, penggunaan tema revivalisme, pengitaran semula bahan dan seni penataan yang rapi. Apakah inspirasi dan manifestasi rekaan yang hendak dipaparkan oleh pereka didalam setiap ciptaan ruang berkenaan. **PILIH TIGA**.

- a) “The Factory (1964)”
- b) “Mr. Freedom (1968-69)”
- c) “The Hacienda (1982)”
- d) “The Graan-Silo Squat (1991)”
- e) “The Chiat Day Offices (1993-96)”

(25 MARKAH)

2. Rekabentuk secara total merupakan pembentukan penyeragaman kesemua elemen senireka bertujuan melahirkan suatu kesatuan. Apakah perubahan sosial dan teknologi serta keunikan penyeragaman yang dibawa oleh pereka didaiam setiap skema berkenaan:

- a) “Villa E. 1027”
- b) “78 Southpark Avenue”
- c) “Gamble House”

(25 MARKAH)

3. Anda telah ditawarkan oleh pihak pengurusan SHETATON International (yang beralamat di 52, Al-Birr Avenue, 41141 Dubai) sebagai pengurus projek merekabentuk 42 buah bilik suite bagi sebuah hotel penginapan bertaraf lima bintang. Deraf satu surat persetujuan yang lengkap menurut amalan ikhtisas pereka.

ATAU

Anda dipertanggungjawabkan untuk menghasilkan satu program rekabentuk produk dan grafik bagi sesbuah pejabat korporat. Huraikan dan perincikan skop-skop kerja yang boleh anda tawarkan kepada klien tersebut.

(25 MARKAH)

4. Pengubahsuaian dan rekabentuk dalaman merupakan elemen sinonim yang penting di dalam industri bangunan dan pembinaan.

- Apakah benar wujudnya perbezaan daripada segi skop tanggungjawab diantara seorang arkitek dan jurureka dalaman berhubung perkara di atas?
- Terangkan bagaimana kemelut ekonomi boleh menjelaskan amalan urusniaga pengubahsuaian ruang dalaman komersial dan perhotelan.
- Siapakah persaing-persaing yang sering memberi saingen kepada jurureka dalaman didalam kerja-kerja pengubahsuaian?

(25 MARKAH)

5. Buat nota ringkas dengan bantuan lakaran teknikal menerangkan asas pembinaan dan spesifikasi ringkas teknik pemasangan kemasan-kemasan berikut:

- Panel Kayu ‘Wainscot’ **ATAU** ‘French’
- Siling Gegantung Akustik
- Dinding Marmor **ATAU** Dinding Kemasan ‘Fauxing’
- Karpet ‘Axminster’ **ATAU** ‘Needle-Punch’

(25 MARKAH)

6. Pertubuhan Jurureka Dalaman Antarabangsa (IFI) telah menggariskan tujuh prinsip bagi menangani permasalahan persekitaran antara lainnya;

- Pengamalan Produk-Produk dan Perkhidmatan bercirikan keselamatan
- Perlindungan Biosfera
- Penggunaan Mampan Sumber-Sumber Asli
- Pengurusan Sisa-Sisa & Peningkatan Kitar-Semula
- Penjimatkan Tenaga
- Pengurangan Risiko Kesihatan
- Pemiliksamaan & Perkongsian Maklumat

Huraikan **EMPAT** prinsip di atas bagi menjelaskan peranan yang dimainkan oleh jurureka dalaman di dalam hal tersebut.

(25 MARKAH)

- 000000000 -